

Newspaper	Berita Harian
Date	17 May 2015

Tangani segera isu pelarian: PM

Johor Bahru: Isu pelarian etnik Rohingya menjadi malapetaka kemanusiaan yang dahsyat dan perlu ditangani segera, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, satu penyelesaian melalui forum ASEAN dan kerjasama semua pihak perlu diadakan bagi menangani isu berkenaan.

Katanya, pendirian Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN itu dinyatakan kepada Setiausaha

BH - 17/5/2015
Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki Moon yang menghubungi beliau sendiri pagi semalam bagi melahirkan kebimbangan terhadap pelarian Rohingya.

"Saya beritahu pada Setiausaha Agung PBB (bahawa) ia satu malapetaka kemanusiaan yang mesti dipandang berat oleh semua negara. Ini bukan isu ASEAN saja tetapi ini isu kemanusiaan, isu sejagat yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Perlu cari penyelesaian

"Kita menghormati prinsip ASEAN yang tidak mencampuri urusan dalaman mana-mana negara anggota tetapi apabila sesuatu masalah itu sudah merebak dan menjejaskan kepemimpinan negara ASEAN lain dan mungkin di luar ASEAN, ia perlu mencari penyelesaian melalui forum ASEAN dan juga kerjasama pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah Fasa I dan Pelancaran PPR Sungai Melana II, di sini semalam.

Najib berkata, beliau sudah meminta Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman menyampaikan perkara itu kepada Ke-

rajaan Myanmar dan berharap mereka memberi maklum balas positif kerana punca pelarian adalah berikutan masalah dalaman yang Malaysia tidak mahu campur tangan, sebaliknya mahu sesuatu dilakukan sebelum ia menjadi malapetaka lebih dahsyat lagi.

"Kita amat bersimpati dengan mereka yang terapung-apung di lautan terbuka, ramai yang terkorban termasuk kanak-kanak. Kita tidak rela, reda perkara ini.

"Sebab itulah kita terima sebahagian untuk mendarat dan memberi bantuan kemanusiaan kepada mereka tetapi Malaysia tidaklah seharusnya dibebankan dengan masalah ini kerana ribuan lagi menunggu untuk melarikan diri dari kawasan wilayah mereka," katanya.